

# Wabak denggi meningkat 26 kes

Sinar harian 18/04/2016 M/S 513

**SRI GOMBAK** - Kes demam denggi di Taman Sri Gombak Fasa 9 meningkat sejak Januari lalu dengan 26 kes berbanding tahun lalu.

Pegawai Kesihatan Daerah Gombak, Dr Rozlan Ishak berkata, kawasan ini dikenal pasti sebagai kawasan hot spot bagi wabak denggi yang tidak terkawal dalam tempoh 85 hari berlakunya wabak itu.

Katanya, hasil pemeriksaan yang dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah mendapati punca utama berlakunya pembiakan denggi di sini adalah di pasu bunga, alas pasu, pasu hiasan, pam tandas rosak, tempayan, tayar buruk serta sampah sarap yang di temui di dalam rumah.

Menurutnya, kawasan sekitar Fasa 9 juga ditafsirkan sebagai lokasi yang banyak mempunyai tanaman bunga dan berpotensi menjadi tempat pembiakan

nyamuk Aedes.

"Jumlah kes denggi yang meningkat amat membimbangkan dan boleh menyebabkan kematian jika tidak ditangani segera secara bersama.

"Kitaran nyamuk Aedes adalah dua per tiga berada di dalam air dan penting bagi masyarakat menghapuskan tempat takungan air atau tempat yang berpotensi untuk air bertakung," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media membasmi denggi anjuran Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 9 yang berlangsung di Dewan Beringin, di sini

Hadir sama, Ahli Majlis Zon 9, Rahim Kasdi.

Rozlan berkata, penglibatan masyarakat penting dalam usaha menghapuskan pembiakan denggi sekali gus memusnahkan tempat pem-



● Rozlan (duduk, empat kiri) dan Rahim (tiga, kiri) merakam kenangan selepas sidang media yang diadakan di Dewan Beringin, Sri Gombak.

biakan Aedes sama ada di dalam mahupun di luar rumah.

Katanya, penduduk disarankan bukan sahaja melakukan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman mereka malah bekerjasama dengan kakitangan ke-

sihatan semasa pemeriksaan Aedes dijalankan dengan membuka setiap pintu dan tingkap semasa seburan kabus dilakukan.

"Kerjasama penduduk amat diperlukan bagi memastikan kawasan persekitaran rumah bebas daripada menjadi tempat

penyakit nyamuk Aedes kerana bila tiada Aedes, tiadalah denggi," katanya.

Sekiranya pembiakan nyamuk Aedes ditemui di dalam atau di luar rumah kediaman, adalah menjadi kesalahan di bawah peraturan seksyen 13 (1) akta pemusnahan serangga

pembawa penyakit 1975 pindaan tahun 2000 dan boleh dikenakan kompaun serta merta sebanyak RM 500. Jika disabitkan kesalahan denda tidak melebihi RM 10,000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.